

19 NOV 2000  
LID-PEMBUKAAN  
LID 2000 DIBUKA RASMI HARI INI

LANGKAWI, 19 Nov (Bernama) -- Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000), perjumpaan ketua-ketua kerajaan, tokoh akademik, ketua korporat dan pakar-pakar media, dibuka secara rasmi di sini, hari ini.

LID 2000 adalah bahagian kedua Dialog Perkongsian Bestari Global 2000. Bahagian pertama adalah Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID 2000), yang diadakan di Maputo, Mozambique pada Ogos lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, pagi ini, untuk menghadiri pelbagai siri dialog yang bermatlamat untuk mengembangkan lagi konsep perkongsian bestari di samping membuka secara rasmi dialog tersebut di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri malam ini. Semua sesi lain diadakan di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort.

Perdana Menteri adalah pengendali bagi sesi Fellows Commonwealth PARTNERSHIP for Technology Management Ltd (CPTM) dan satu sesi khas "Melaksanakan Kemajuan & Berkongsi Pengalaman Praktikal" hari ini.

Di jangkakan, lebih 350 perwakilan daripada 20 negara akan menyertai dialog itu.

Lebih ramai lagi pemimpin-pemimpin luar akan tiba hari ini untuk menghadiri dialog selama empat hari itu. Perdana Menteri Lesotho Dr Pakalitha Mosisili dan rakan sejawatnya Swaziland, Dr B.S. Dlamini, Presiden Namibia Dr Sam Nujoma dan Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano tiba di sini untuk berkongsi pandangan mereka mengenai perkongsian bestari.

Dialog itu yang bertemakan "Arah Aliran Global dan Ekonomi-Ekonomi Baru Muncul", dianjurkan bersama oleh Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (Might) dan Commonwealth Partnership for Technology Management Ltd (CPTM). -- BERNAMA

RIZ YBY ZK